

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : DENGGI

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila butirkan usaha Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah Denggi di Negeri Selangor.
- b) Apakah usaha-usaha unik yang dicuba di Selangor dan apakah penilaian keberkesanannya?

JAWAPAN:

a) dan b)

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan No. 15, 93, 141, 217 dan 225.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : KELESTARIAN AIR SELANGOR

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah semua pam di Loji Rawatan Air berfungsi dengan baik? Jika tidak, nyatakan butir-butirnya.
- b) Nyatakan kadar Air Tidak Berhasil (NRW) dan penjimatan kewangan sejak tahun 2015.
- c) Nyatakan jumlah kolam perkhidmatan air (service reservoir) yang dibaikpulih sejak tahun 2015 dan perbelanjaannya.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman semua pam-pam air terawat yang terdapat di Loji Rawatan Air di bawah kawalan Air Selangor berfungsi dan dapat beroperasi dengan baik. Semua pam-pam air mentah juga dapat membekalkan air mentah yang diperlukan untuk operasi loji dan dapat mengeluarkan air bersih seperti rekabentuk loji dan memenuhi permintaan pengguna.
- b) Kadar air tidak berhasil (NRW) adalah seperti berikut:-

Tahun	NRW	
	%	Mld
Hujung 2015	32.06	1,496
Hujung 2016	32.64	1,557
Hujung 2017	30.11	1,444

Penurunan kadar NRW adalah sebanyak 52Mld (atau 52,000m³/d) iaitu dari 1,496Mld pada hujung tahun 2015 kepada 1,444Mld pada hujung tahun 2017.

Dengan kadar "water purchase cost" pada RM1.10/m³, anggaran penjimatan kewangan adalah sebanyak:-

$$\begin{aligned} &= 52,000 \text{ m}^3/\text{day} \times 365 \text{ days} \times \text{RM}1.10/\text{m}^3 \\ &= \text{RM}20.8 \text{ juta setahun} \end{aligned}$$

- c) Sepanjang tahun 2017, pihak Air Selangor telah membelanjakan sebanyak RM16.3 juta untuk program pemulihan dan pengaktifan semula 34 aset bekalan air (rumah pam dan kolam).

Program pemulihan dan pengaktifan semula ini disambung pada tahun 2018 melibatkan 12 aset bekalan air (kolam & rumah pam) yang sedang dan akan dibaikpulih dan digunakan semula. Pengaktifan ini melibatkan kos sebanyak RM5.7 juta.

Jumlah keseluruhan kos pemulihan dan pengaktifan yang telah diperuntukan sepanjang tahun 2017 hingga 2018 adalah sebanyak RM22 juta.

Berdasarkan perancangan, pihak Air Selangor Sdn. Bhd. telah merangka program pemulihan dan pengaktifan aset bekalan air (rumah pam, kolam sedut, kolam menara & kolam air) secara berperingkat bermula pada tahun 2017 sehingga sasaran tahun 2028 dan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM225 juta melibatkan aset bekalan air seperti berikut :

- i. 134 kolam
- ii. 52 rumah pam

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : KESAMBUNGAN KEPADA SISTEM PENGANGKUTAN AWAM

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar-dasar sedia ada dan/atau arahan yang telah diberikan kepada Kerajaan Tempatan untuk meningkatkan kesambungan penduduk-penduduk kepada sistem pengangkutan awam, terutamanya dari segi pembangunan?

JAWAPAN:

- a) Terdapat dua belas (12) Kerajaan Tempatan atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor yang mempunyai demografi serta kepadatan penduduk yang berbeza mengikut kawasan masing-masing. Oleh itu, perancangan bagi pembangunan pengangkutan awam turut berlandaskan kesesuaian kawasan sebagai contoh, perancangan pengangkutan awam di bandar seperti Subang Jaya, Petaling Jaya dan Shah Alam akan lebih menumpukan pengangkutan awam yang mempunyai *connectivity* dengan jaringan pengangkutan awam sedia ada seperti komuter, Bus Rapid Transit (BRT), Transit Aliran Ringan (LRT) dan Mass Rapid Transit (MRT). Bagi Kerajaan Tempatan di kawasan yang luar bandar, perancangan pengangkutan akan lebih tertumpu kepada meningkatkan jaringan sistem pengangkutan awam seperti hub pengangkutan yang lebih baik dan menjadi tempat tumpuan semua pengangkutan awam seperti bas dan teksi serta fasiliti kemudahan pengangkutan yang lebih baik dan sempurna.

Kerajaan Negeri akan memastikan Kerajaan Tempatan atau PBT untuk memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan kesalinghubungan penduduk dengan sistem pengangkutan awam, antara lainnya adalah dasar dan arahan yang perlu dilaksanakan seperti berikut:

- i. Memastikan perancangan pembangunan pengangkutan awam yang akan dilaksanakan oleh PBT turut mengambilkira laporan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) yang telah diedarkan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan sebagai sumber rujukan dan Kerajaan Negeri turut mengesyorkan supaya setiap PBT menyediakan Pelan Induk Pengangkutan PBT yang lebih spesifik dan terperinci;

- ii. Mewajibkan penubuhan Unit Pengangkutan di setiap PBT. Penubuhan unit ini dijangka dapat memastikan perancangan dan pelaksanaan projek-projek pengangkutan yang lebih baik, fokus dan tersusun;
- iii. Menggalakkan PBT melaksanakan program *Bike Sharing* di kawasan-kawasan yang sesuai berdasarkan garis panduan *Bike Sharing* yang telah ditetapkan dan dipersetujui semua pihak; dan
- iv. Memastikan PBT menyediakan infrastruktur laluan pejalan kaki yang selamat untuk kemudahan pengguna pengangkutan awam.

Kerajaan Negeri amat yakin dengan usaha dan perancangan yang dilaksanakan oleh semua PBT di Selangor akan memberi manfaat kepada penduduk khususnya dalam memastikan jaringan sistem pengangkutan awam lebih efisien dan menyeluruh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan Selangor sebuah negeri yang mempunyai prasarana lengkap bagi keperluan golongan OKU?
- b) Apakah enakmen yang telah digubal Kerajaan Negeri bagi memastikan hak OKU terjamin serta memastikan prasarana lengkap bagi OKU diwajibkan dalam pembangunan baru?

JAWAPAN:

- a) Usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam menjadikan Selangor sebuah negeri yang mempunyai prasarana lengkap bagi keperluan golongan OKU adalah selaras dengan Ucapan Belanjawan Negeri Selangor 2018 oleh mantan YAB Dato Menteri Besar Selangor yang mencadangkan supaya semua PBT memperuntukkan sekurang-kurangnya 20 peratus daripada keseluruhan rezab tunai bersih untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan asas dan awam yang lain seperti menambah bilangan petak kereta untuk Orang Kelainan Upaya (OKU) serta kemudahan-kemudahan lain yang mesra OKU seperti *handrail*, *ramp* dan laluan pejalan kaki khas '*tactile*';

Dalam masa yang sama, PBT Selangor berusaha untuk menyediakan prasarana lengkap bagi keperluan golongan OKU dengan memastikan setiap pembangunan seperti perumahan bertingkat, kemudahan awam, institusi, perniagaan dan perindustrian mematuhi Manual Garis Panduan & Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Ketiga).

Contohnya cadangan perumahan bertingkat perlu menyediakan kediaman Orang Kelainan Upaya (OKU) di tingkat bawah, manakala cadangan pembangunan perniagaan dan perindustrian perlu menyediakan kemudahan untuk golongan kurang upaya dan golongan istimewa dengan mematuhi *Universal Design Guidelines* berdasarkan garis panduan yang disediakan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

- b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menggubal enakmen OKU memandangkan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) masih dikuatkuasakan dan digunakan oleh semua agensi/ jabatan terlibat di samping garis panduan atau dasar yang telah dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PELEBARAN CAPAIAN KEMUDAHAN PENGANGKUTAN AWAM

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan dalam menyediakan kemudahan pengangkutan awam kepada penduduk di kawasan luar bandar dan kawasan yang tiada akses kepada pengangkutan awam semasa?

JAWAPAN:

- a) Penyediaan jaringan pengangkutan awam yang menyeluruh di sesebuah negeri termasuk Negeri Selangor adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan yang termaktub di dalam bidang kuasa Persekutuan, manakala Kerajaan Negeri menyokong segala pembangunan yang dirancang untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri juga sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi pembinaan infrastruktur-infrastruktur pengangkutan awam seperti lebuh raya, Transit Aliran Ringan (LRT), Mass Rapid Transit (MRT), komuter dan Bus Rapid Transit (BRT).

Bagi memastikan capaian kemudahan pengangkutan awam dapat disediakan kepada penduduk di kawasan luar bandar dan kawasan yang tiada akses kepada pengangkutan awam sedia ada tanpa penglibatan Kerajaan Persekutuan yang lalu, Kerajaan Negeri mengambil langkah dengan menyediakan inisiatif kemudahan pengangkutan awam kepada rakyat dengan menggunakan peruntukan sendiri bagi perkhidmatan bas percuma iaitu Bas Smart Selangor yang kini mempunyai 30 laluan dan 100 buah bas di sebelas Pihak Berkuasa Tempatan. Perkhidmatan bas ini sentiasa diperluaskan dan ditambahbaik setiap tahun tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan Negeri.

Pelaksanaan Bas Smart Selangor yang memasuki tahun ketiga adalah inisiatif terbaik Kerajaan Negeri yang mendapat sambutan menggalakkan daripada pelbagai kelompok masyarakat yang menggunakan perkhidmatan ini. Untuk memastikan perkhidmatan bas awam di Negeri Selangor lebih efisien dan mudah, cadangan penggunaan bas bersaiz mini atau van perlu dibenarkan semula oleh Kerajaan Persekutuan bagi perkhidmatan bas di kawasan-kawasan yang sukar untuk dilalui oleh pengangkutan awam sedia ada. Selain daripada itu, perkhidmatan bas yang turut disokong dengan kemudahan pengangkutan lain

seperti basikal, hentian bas yang selesa dan selamat akan menambah keyakinan rakyat terhadap langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam meningkatkan sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor yang lebih bermanfaat dan menyeluruh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

**TAJUK : PERSEMPADANAN KAMPUNG DAN MEWUJUDKAN KAMPUNG-
KAMPUNG BARU**

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri membuat perubahan kepada persempadanan kampung dan mewujudkan kampung-kampung yang baru?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih mengekalkan persempadanan kawasan sedia ada. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui keputusan MMKN bertarikh 16 November 2016 yang telah disahkan oleh MMKN ke 38/2016 pada 23 November 2016 telah mengiktiraf tiga (3) buah kampung yang baru sebagai Kampung Tradisi iaitu Kampung Lombong Daerah Klang, Kampung Wira Damai Mukim Batu Daerah Gombak dan Kampung Paya Tanjung Mukim Beranang Daerah Hulu Langat yang menjadikan jumlah Kampung Tradisi secara keseluruhan 371 buah.

Selain itu dalam Kajian Perancangan Fizikal Desa Negeri Selangor yang dilaksanakan oleh pihak PLANMalaysia@Selangor pada tahun 2016, terdapat perancangan untuk menstruktur/ menyusun semula kampung yang terletak di pinggir bandar terutama sekali bagi kampung yang sudah tidak menepati ciri-ciri kampung seperti jumlah penduduk yang melebihi 10,000 orang.

Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan Pelan Tindakan Khas (PTK) Penstrukturan Semula Kampung Dalam Bandar Negeri Selangor 2019-2023 yang mana ianya bertujuan untuk penstrukturan semula kawasan kampung di Negeri Selangor yang akan memfokuskan kepada 27 buah kampung dalam bandar yang terdapat di Negeri Selangor.

Senarai 27 kampung yang terlibat dalam PTK adalah seperti berikut:

DAERAH PETALING

1. Kg. Batu 14, Puchong
2. Kg. Baru Seri Kembangan

3. Kg. Padang Jawa
4. Kg. Sungai Kayu Ara

DAERAH KLANG

1. Kg. Pandamaran Jaya
2. Kg. Raja Uda
3. Kg. Telok Gudang
4. Kg. Delek
5. Kg. Padang Jawa
6. Kg. Kuantan
7. Kg. Sungai Pinang Bandar
8. Kg. Rantau Panjang
9. Kg. Baru Pandamaran
10. Kg. Batu 4 Jalan Kapar
11. Kg. Sungai Udang
12. Kg. Meru
13. Kg. Jawa
14. Kg. Bukit Naga

DAERAH KUALA SELANGOR

1. Kg. Sungai Kajang
2. Kg. Assam Jawa

DAERAH GOMBAK

1. Kg. Laksamana
2. Kg. Gombak Utara
3. Kg. Selayang Baru

DAERAH HULU SELANGOR

1. Kg. Dato' Harun (Melayu)

DAERAH KUALA LANGAT

1. Kg. Telok Panglima Garang
2. Kg. Banting

DAERAH HULU LANGAT

1. Kg. Pandan Dalam

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

**TAJUK : AKTIVITI JUDI, ARAK DAN RUMAH URUT HARAM SERTA
GENGSTERISM**

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk membendung aktiviti judi, arak dan rumah urut di Selangor dan Meru khususnya?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengawal dan menghapuskan aktiviti gengster serta kongsi gelap di Selangor dan Meru khususnya?

JAWAPAN:

- a) Langkah yang diambil oleh Majlis Perbandaran Klang didalam membendung aktiviti judi, arak dan rumah urut di Selangor dan Meru khususnya, adalah dengan cara mengenakan syarat bagi premis yang menjual arak iaitu perlu mendapatkan kelulusan lesen daripada Pejabat Daerah/Tanah terlebih dahulu, manakala bagi rumah urut pula Majlis telah memberhentikan pengeluaran lesen rumah urut semenjak tahun 2007.

Majlis Perbandaran Klang telah mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas ke atas mana-mana premis yang didapati menjalankan kegiatan tidak bermoral (seperti pusat hiburan, pusat siber, menjual arak dan rumah urut). Tindakan penyitaan ke atas barang-barang perniagaan dikenakan ke atas premis di bawah peruntukan undang-undang yang digunapakai oleh PBT.

Selain itu, pihak Majlis Perbandaran juga akan bekerjasama dalam menjalankan operasi bersepadu ke atas premis-premis tersebut bersama agensi penguatkuasaan seperti polis, JAIS, KPDK, PTD dan Imigresen dalam membendung aktiviti maksiat dan perjudian ini.

Berikut adalah statistik tindakan penguatkuasaan tahun 2017 ke atas premis berkaitan :

Jenis Premis	Jumlah Kompaun	Jumlah Sitaan
Pusat Hiburan	20	75

Pusat Siber	-	188
Rumah Urut	2	103
Arak	13	83

Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Utara telah mengambil tindakan dan langkah-langkah pencegahan terhadap aktiviti yang menjalankan kegiatan judi, arak dan rumah urut secara haram berpandukan kepada statistik dari tahun 2015 hingga 2018 seperti di bawah:-

Aktiviti Judi:-

Tahun	Jumlah Serbuan	Jumlah Tangkapan	Jumlah Pendakwaan		
			Tuduh	NFA	Dalam Siasatan
2015	411	447	403	8	0
2016	271	145	263	8	0
2017	177	449	147	30	0
2018	108	208	78	7	23
Jumlah Keseluruhan	967	1,249	891	53	23

Penjualan arak secara haram dan tidak menepati syarat adalah dibawah bidang kuasa Jabatan Kastam, walau bagaimanapun pihak Polis turut membantu menjalankan operasi tersebut berdasarkan kepada statistic berikut:-

Tahun	Jumlah Serbuan	Jumlah Tangkapan	Jumlah Pendakwaan		
			Tuduh	NFA	Dalam Siasatan
2015	0	0	0	0	0
2016	5	6	5	0	0
2017	3	4	3	0	0
2018	3	7	3	0	0
Jumlah Keseluruhan	11	17	11	0	0

Perniagaan rumah urut haram:-

Tahun	Jumlah Serbuan	Jumlah Tangkapan	Jumlah Pendakwaan		
			Tuduh	NFA	Dalam Siasatan
2015	90	695	86	4	0
2016	55	339	48	7	0
2017	82	446	72	10	0
2018	35	184	31	4	0
Jumlah Keseluruhan	262	1,664	237	25	0

- b) Dalam usaha pihak Polis membanteras kegiatan Gangsterism, tindakan POCA dan SOSMA sangat berkesan dimana dengan adanya tindakan tersebut penjenayah sindiket tidak berani melakukan kegiatan jenayah dan pihak Polis dapat melumpuhkan kumpulan Gangsterism daripada melakukan kegiatan jenayah di daerah Klang Utara berdasarkan statistik berikut:-

Tahun	Jumlah Kertas Siasatan	Jumlah Tangkapan	Jumlah Pertuduhan	Jumlah POCA	Jumlah SOSMA
2015 – 2018	11	18	3	103	28

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PELEBARAN JALAN

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada usaha dari Kerajaan Negeri untuk membesarkan jalan di KM 10 Selayang - Rawang lorong mendaki berhampiran susur masuk ke perumahan Taman Amansiara Selayang kerana kerap kali berlaku kesesakan terutama waktu beban puncak?

JAWAPAN:

- a) Kawasan yang dimaksudkan adalah terletak di jalan persekutuan yang dikenali sebagai FT001 (Kuala Lumpur – Tanjung Malim). Punca utama kesesakan yang berlaku adalah disebabkan oleh geometri jalan yang memerlukan trafik membuat pendakian di mana kelajuan trafik akan menurun. Keadaan menjadi tambah runcing apabila melibatkan kenderaan berat yang banyak menggunakan jalan tersebut terutamanya pada waktu puncak.

Pihak JKR Selangor sedang menyediakan kertas cadangan melibatkan cadangan pembinaan satu lorong tambahan mendaki bermula di KM 10 Selayang-Rawang sepanjang 900 meter yang melibatkan anggaran kos sebanyak RM10.8 juta. Kertas ini akan dikemukakan ke Cawangan Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia untuk kelulusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PINTU GERBANG MASUK UTAMA KE SELANGOR DARI NEGERI
SEMBILAN**

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah usaha-usaha untuk membaik-pulih pintu gerbang masuk utama ke Selangor dari Negeri Sembilan? Jika ada, berapa dana yang diperuntukkan bagi kerja-kerja tersebut?

JAWAPAN:

- a) JKR Selangor tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membaik pulih pintu gerbang masuk utama ke Selangor dari Negeri Sembilan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : TANAH LOT LIDI

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status dan kebenaran untuk pemilikan tanah lot lidi yang menjadi trend masa kini dari segi undang-undang pemilikan dan penjualan tanah lot di sekitar kawasan kampung?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Penyelaras Pentadbiran Tanah/ Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor (MPPTDPBTNS) Bil. 1/2018 yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 16 Julai 2018 telah bersetuju untuk **MENOLAK** semua permohonan Pendaftaran Surat Ikatan Amanah atas semua sebab bagi semua lot-lot tanah pertanian di Negeri Selangor. Penolakan ini akan terpakai di Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor sehingga satu dasar berkaitan dirangka dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Walau bagaimanapun, tiada sebarang halangan untuk mendaftarkan Surat Ikatan Amanah ini bagi kategori selain tanah pertanian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : SUMBANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Selangor pada 2016-2018.
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan Selangor diberi tumpuan utama oleh Kerajaan persekutuan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor hanya menerima pemberian-pemberian berdasarkan Perlembagaan Persekutuan seperti di **Lampiran A**.
- b) Kerajaan Negeri Selangor akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan pembangunan negeri dan negara akan bergerak seiringan.

LAMPIRAN A

Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Selangor
Melalui Perbendaharaan Negeri Selangor Pada Tahun 2016 - 2018

Bil	Jenis Pemberian Persekutuan	Jenis Akaun	Akta/ Perlembagaan	Tahun 2016 (RM)	Tahun 2017 (RM)	Tahun 2018 (RM)
1.	Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS)	Amanah	Perkara 109 (1)(b), Perlembagaan Persekutuan	496,900,998.23	511,808,029.04	349,735,486.12
2.	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP)	Amanah	Perkara 109(6), Perlembagaan Persekutuan	12,784,000.00	9,609,000.00	Belum diterima

Bil	Jenis Pemberian Persekutuan	Jenis Akaun	Akta/ Perlembagaan	Tahun 2016 (RM)	Tahun 2017 (RM)	Tahun 2018 (RM)
3.	Pemberian Mengikut Bilangan Orang (<i>Capitation Grant</i>)	Hasil	Akta Pemberian Bilangan Orang 2002 Perkara 109(1)(a), Perlembagaan Persekutuan	72,952,380.00	73,752,660.00	74,521,020.00
4.	Pembiayaan Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan Di Bawah Senarai Bersama (50%)	Hasil	Senarai III – Senarai Bersama, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan	61,853,627.00	66,457,506.00	70,007,560.00
5.	Pemberian Khas Kepada Kerajaan Negeri Selangor (Kehilangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya)	Hasil	Akta Wilayah Persekutuan 1982	25,805,638.00	25,805,638.00	25,805,638.00

Bil	Jenis Pemberian Persekutuan	Jenis Akaun	Akta/ Perlembagaan	Tahun 2016 (RM)	Tahun 2017 (RM)	Tahun 2018 (RM)
6.	Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek- Projek Persekutuan	Hasil	Perkara 80(5), Perlembagaan Persekutuan	3,923,576.00	4,133,034.00	Belum diterima
7.	Pemberian Pertambahan Hasil	Hasil	Akta Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 2007	164,535,221.00	Tiada terimaan bagi tahun 2017 kerana pada tahun 2016 hasil Kerajaan Persekutuan telah menurun sebanyak 3.04% berbanding tahun 2015. Pemberian ini berdasarkan prinsip ' <i>revenue sharing</i> '.	Belum diterima
Jumlah Keseluruhan				674,220,219.23	691,585,867.04	520,139,704.12

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : JAWATANKUASA TETAP PERUMAHAN DAN KEHIDUPAN BANDAR

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan program baharu di bawah Portfolio tersebut.
- b) Nyatakan status untuk program-program yang telah dilaksanakan sebelum ini.

JAWAPAN:

- a) Jawatankuasa Tetap Perumahan Dan Kehidupan Bandar telah mengenalpasti beberapa cadangan program-program baru untuk dikaji kesesuaian, kemampuan dan kebolehlaksanaan antaranya seperti berikut:
 - i- Pembangunan semula *slum area* atau projek-projek terbengkalai.
 - ii- Pelaksanaan penyenggaraan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di semua kawasan pangsapuri kos rendah yang meliputi kerja penurapan jalan dalam pangsapuri, pemotongan rumput, pembersihan kawasan, kerja lanskap dan pengambilalihan pengurusan lampu jalan.
 - iii- Memperkasakan struktur organisasi Pesuruhjaya Bangunan, Pihak Berkuasa Tempatan.
 - iv- Penyelarasan Program Pemerbedayaan Komuniti sedia ada di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
 - v- Kajian Depresi Dan Kualiti Hidup Penduduk Di Kehidupan Bandar.
 - vi- Menyediakan prasarana untuk anak-anak pangsapuri belajar selepas atau sebelum sesi persekolah di pangsapuri mereka.
 - vii- Menyediakan medium kepada pemilik-pemilik pangsapuri untuk membuat bayaran caj penyenggaraan (*maintenance fee*) secara berpusat melalui gerbang pembayaran di SMART Selangor (*cashless society*).

Jawatankuasa Tetap Perumahan Dan Kehidupan Bandar juga sedang menunggu Dasar Perumahan Dan Kehidupan Bandar Negara sekiranya ada untuk diselaraskan agar dapat memperkasakan lagi program-program di peringkat Negeri untuk memberi impak yang lebih berkesan.

- b) Status pelaksanaan bagi program-program di bawah Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kehidupan Bandar bermula tahun 2008 sehingga 31 Julai 2018 adalah seperti berikut:

BIL.	JAWATANKUASA TETAP	JUMLAH PROGRAM	JUMLAH KOS (RM)
1.	Perumahan	<ul style="list-style-type: none">• 4 program• 10 dasar	91.7 juta
2.	Kehidupan Bandar	<ul style="list-style-type: none">• 20 program	203.2 juta
JUMLAH			294.9 JUTA

Status pelaksanaan program-program yang telah dilaksanakan secara terperinci seperti di LAMPIRAN A.

**JAWATANKUASA TETAP KEHIDUPAN BANDAR
PROGRAM PEMERBEDAYAAN KOMUNITI BERMULA TAHUN 2008 SEHINGGA 31 JULAI 2018**

PENGURUSAN FIZIKAL

BIL.	PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	CERIA (Caring Government for Residents' Improvement Aid)	Baikpulih Pangsapuri – Harta Bersama	<ul style="list-style-type: none"> • 286 projek • RM96.6 juta
2.	SAFWA (Selangor Free Water Apartment)	Air Percuma Bagi Meter Pukal	<ul style="list-style-type: none"> • 239 kawasan • 68,174 unit • RM52.6 juta
3.	SEROJA (Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri)	Program Keselamatan dan Pemasangan CCTV.0	<ul style="list-style-type: none"> • 116 pangsapuri • RM687,136.00 • Program RM85,040.00 • CCTV RM529,096.00 • Peralatan RM73,000.00
4.	K-SQUAD (Pemberdayaan Komuniti)	Perlantikan Ejen Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> • Seri Perantau – 14 bulan • RM118,282.80
5.	PUSAT KITAR STRATA	Pengumpulan Bahan Kitar Semula	<ul style="list-style-type: none"> • 3 pangsapuri • RM15,000.00
6.	K-STAC (Sistem Tadbir Urus Akaun)	Penyediaan Sistem UBS, BMS dan Akaun	<ul style="list-style-type: none"> • 25 pangsapuri • RM246,500.00
7.	SMARTLIFE	Baikpulih dan Penyenggaraan LIF Pangsapuri Kos Rendah	<ul style="list-style-type: none"> • 48 pangsapuri • 216 unit lif • RM30 juta
8.	ISS (Indah Smart Selangor)	Mengecat Bangunan Pangsapuri Kos Rendah	<ul style="list-style-type: none"> • 26 pangsapuri • 84 blok, 8,648 unit • RM10 juta
9.	BAIKPULIH JALAN	Kerja-kerja Baikpulih Jalan	<ul style="list-style-type: none"> • 50 pangsapuri • RM8.7 juta

PENGURUSAN KOMUNITI

BIL.	PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	SKORA (Skim Pengenalan Pengurusan Strata)	Memberi Pendidikan Perumahan Bertingkat di Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> • 8 buah sekolah • RM171,172.50 • 4,015 pelajar terlibat
2.	BCH / IFTAR (Bersih, Ceria dan Harmoni / Buka puasa bersama)	Program Kesedaran Membayar Caj dan Menjaga Harta Bersama	<ul style="list-style-type: none"> • 38 pangsapuri • RM677,456.05 • IFTAR
3.	LAMAN HIJAU (Kebun Komuniti)	Program Kebun Komuniti di Pangsapuri	<ul style="list-style-type: none"> • 18 pangsapuri (7 COB) • Anugerah Laman Hijau – 22 pangsapuri • RM63,450.00
4.	SELANGOR B.E.S.T (Bring Excellence Into Society)	Program Perpustakaan Bergerak ke Pangsapuri yang ditetapkan	<ul style="list-style-type: none"> • 4 buah van • Bahan bacaan • RM1,131,513.00 • 15,249 pengunjung
5.	PERHIMPUNAN PERDANA JMB/MC	Perhimpunan Perdana JMB/MC Seluruh Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • 5 kali • RM310,000.00
6.	OPSS BAYAR (Pendakwaan)	Pendakwaan ke Mahkamah Bagi Pemilik Yang Gagal Membayar Caj Kepada JMB/MC	<ul style="list-style-type: none"> • 631 kes pendakwaan

PENGURUSAN KEPIMPINAN (6 PROGRAM)

BIL.	PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	FOKUS (Format Kurikulum Pengurusan Bangunan Strata)	Kursus Khas Untuk Memberi Latihan Kepada JMB/MC oleh COB PBT	<ul style="list-style-type: none"> • 105 siri • RM1,032,360.00 • 2,437 peserta
2.	FOKUS Unit Syer	Kursus Penyediaan Jadual Petak Yang Mengandungi Maklumat Unit-unit Syer oleh COB PBT	<ul style="list-style-type: none"> • 7 siri • RM121,160.00 • 970 peserta
3.	KLIK (Kelab Interatif Komuniti)	Memupuk Kesedaran di Kalangan Belia Pangsapuri	<ul style="list-style-type: none"> • 12 pangsapuri • RM159,340.66
4.	K-STAR (Penarafan Komuniti Bestari) K-INOVASI (Inovasi Komuniti) ANUGERAH	Program Penarafan dan Pengiktirafan Kepada JMB/MC Merangsang Anjakan Paradigma kepada JMB/MC	<ul style="list-style-type: none"> • 99 pangsapuri • RM192,000.00`
5.	PROMOSI / PENDIDIKAN	Program Pembangunan Minda di Peringkat akar Umbi	<ul style="list-style-type: none"> • Promosi kesedaran STRATA • RM400,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PERSATUAN BOLA SEPAK SELANGOR (FAS)

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perubahan atau reform yang akan dilakukan terhadap FAS?
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan FAS dari 2016-2018.

JAWAPAN:

- a) Di bawah kepimpinan Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor sebagai Presiden sejak 3hb Julai yang lalu, pelbagai program dan inisiatif telah dirancang dalam menjadikan Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) sebuah organisasi yang telus, terbuka dan berdaya saing.

Antara langkah pertama yang diambil Tuanku dalam transformasi FAS adalah penganjuran sebuah bengkel perbincangan yang melibatkan wakil dari pemegang-pemegang taruh FAS termasuk badan-badan kerajaan negeri dan perseketuan, badan-badan bolasepak, syarikat-syarikat swasta dan kumpulan-kumpulan peminat bolasepak Selangor. Bengkel tersebut dijalankan selama 3 hari berturut-turut dan berjaya menghimpunkan seramai 116 orang dari 52 organisasi. Hasil perbincangan dan kata sepakat para peserta yang hadir sepanjang bengkel tersebut mengenalpasti sebanyak **23 inisiatif** yang merentasi **5 komponen utama** iaitu **pentadbiran, pengurusan pasukan negeri, pembangunan bolasepak, infrastruktur dan penjanaan pendapatan.**

Dalam usaha melaksanakan 23 inisiatif yang telah dikenal pasti dengan jayanya, Tuanku telah merombak Jawatankuasa Tetap di dalam FAS dan melantik ahli-ahli baharu yang berkebolehan untuk menjalankan kerja-kerja pemantauan dan sebagai penasihat. Tuanku juga dalam perancangan untuk membawa masuk beberapa staf baharu yang mempunyai latar belakang dan kepakaran yang relevan untuk memastikan kesemua 23 inisiatif yang dikenal pasti dapat dilaksanakan dengan jayanya. Selain itu, sebuah audit juga telah dijalankan oleh Deloitte untuk menilai dan mengkaji keupayaan pentadbiran FAS. Hasil audit tersebut, Deloitte telah mengemukakan 20 cadangan untuk menambah baik dan

memperkasakan sistem pentadbiran FAS. Tuanku telah menubuhkan sebuah 'taskforce' di bawah kendalian Dato Sri Shahril Mokhtar, Timbalan Presiden FAS untuk memastikan 20 cadangan ini diterapkan di dalam sistem pengurusan dan pentadbiran FAS pada masa hadapan. Segala usaha ini adalah untuk memastikan kesemua 23 inisiatif yang telah dikenal pasti semasa bengkel perbincangan FAS dapat dilaksanakan dengan jayanya dalam usaha mengubah dan memacu FAS untuk menjadi sebuah organisasi bolasepak yang mampan dan berdaya saing dalam 5 tahun yang akan datang.

b) Jumlah perbelanjaan FAS dari 2016-2018 adalah seperti berikut:-

Expenditure	2016	2017	30 Jun 2018
General Administrative	967,669.00	1,089,767.00	746,495.00
Super League - First Team	17,261,227.00	13,312,084.00	7,634,247.00
Piala President - Second Team	1,191,571.00	1,177,122.00	635,205.00
Piala Belia - Youth Team	1,074,120.00	899,192.00	454,857.00
Domestic competition	345,916.00	254,089.00	207,807.00
Depreciation on property, plant & equipment	141,806.00	54,508.00	24,292.00
Depreciation on investment properties	132,313.00	221,537.00	119,048.00
Impairment loss on investment		112,445.00	
Merchandising		139,488.00	138,454.00
Women Football	18,400.00	33,025.00	
Liga Bolasepak Rakyat	43,710.00	11,200.00	
	21,176,732.00	17,304,457.00	9,960,405.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PELUANG PEKERJAAN

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peluang pekerjaan di Selangor dari 2014-2017.
- b) Senaraikan program yang dianjurkan pada 2017 bagi meningkatkan peluang pekerjaan serta kos dan keberkesanannya.

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor, statistik peluang pekerjaan yang tersedia di Selangor menurut portal JobsMalaysia dari tahun 2014 hingga 2017 adalah sebanyak **1,183,292 peluang pekerjaan**.

TAHUN	PELUANG PEKERJAAN
2014	265,797
2015	292,087
2016	234,134
2017	391,274
JUMLAH	1,183,292

- b) Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif dalam menganjurkan program - program tersebut bagi meningkatkan peluang pekerjaan di Selangor seperti berikut:

- i. **Program Karnival Kerjaya - Selangor Job Fair**

Program Karnival Kerjaya - *Selangor Job Fair* adalah kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia iaitu sebuah program yang memberi peluang kepada rakyat Selangor bagi mendapatkan pekerjaan. Program ini telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) siri sepanjang tahun 2017. Peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi pelaksanaan program ini adalah berjumlah RM300,000.00 setahun.

Program ini telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) siri di lokasi berbeza sepanjang tahun 2017 dan telah berjaya melibatkan jumlah pengunjung seramai 3,416 orang dengan menawarkan sebanyak 5,782 kekosongan jawatan. Kesan dari pelaksanaan program ini, seramai 847 orang pencari kerja telah berjaya mendapat pekerjaan pada hari tersebut.

ii. Pendidikan Kemahiran dan Vokasional Percuma

Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional secara percuma di Kolej INPENS bagi belia yang kurang berkemampuan tetapi masih ingin meneruskan pembelajaran tanpa mempunyai latar belakang pendidikan cemerlang. Peruntukan tahunan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional percuma adalah berjumlah RM 5,000,000.

iii. Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)

Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan dalam melalui kursus dalam bidang - bidang seperti berikut:

- Kursus Keusahawanan Penternakan (Ruminan & Unggas)
- Kursus Pemantapan Pemantauan Keusahawanan
- Kursus Percetakan Segera Pentauliah Sijil SKM Tahap 3: Peserta Urutan Selepas Bersalin
- Kursus Keusahawanan Penternakan
- (Makanan ternakan dan Rancangan Perniagaan)
- Kursus *Soft Skills* Usahawan Penternakan & Pengurusan Kewangan (Online)
- Kursus Keusahawanan Penternakan (Sembelihan Halal & Penyediaan Makanan (BBQ)
- *Mobile Service Aircond*
- Cuci Kasut
- Mobile Barber
- Ayam Gunting
- Terapi Bekam
- Bakery
- *Mobile Spa*
- Dekorasi Pelamin
- Kiosk Sate

Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal. Pada tahun 2018,

Kerajaan Negeri Selangor telah memberi peruntukan sebanyak RM920,000.00 bagi pelaksanaan program ini.

Pada tahun 2011 hingga 2018, terdapat 3,248 orang peserta yang telah terpilih untuk menyertai Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS). Daripada jumlah tersebut, seramai 2,436 orang peserta (75%) telah berjaya menjana pendapatan melalui program tersebut. Purata pendapatan bulanan mencatatkan jumlah tertinggi bagi purata pendapatan berjumlah RM500 - RM2,000 sebulan melalui 1,712 orang peserta (52.71%).

iv. **Program Graduate Employability and Enhancement Selangor (PROGRES)**

Program *Graduate Employability and Enhancement Selangor* (PROGRES) adalah sebuah program yang diperkenalkan pada tahun 2016 untuk memberi peluang kepada belia-belia yang masih belum mendapat pekerjaan untuk menjalani latihan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran belia khususnya di Selangor termasuk penempatan di syarikat-syarikat terpilih. Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan peruntukan sebanyak RM5,000,000 setahun bagi pelaksanaan program ini.

Pada tahun 2016 hingga 2017, seramai 402 peserta telah terpilih untuk menyertai PROGRESS. Daripada jumlah tersebut, seramai 347 orang peserta (86.32%) telah berjaya mendapat penempatan pekerjaan di syarikat-syarikat terpilih setelah tamat program tersebut.

v. **Program Youth Enhancement Strategy Selangor (YES)**

Pada tahun 2015 - 2017, Program Strategi Peningkatan Kemahiran Belia atau *Youth Enhancement Strategy Selangor* (YES) telah dilaksanakan. Program ini memberi fokus kepada belia yang tidak mempunyai akademik cemerlang untuk menjalani latihan di Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seterusnya membolehkan mereka mendapat pekerjaan selepas tamat latihan. Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM2,508,000 setahun bagi pelaksanaan program ini.

Pada tahun 2015 hingga 2017, seramai 133 orang peserta lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah terpilih untuk mengikuti Program YES.

Daripada jumlah tersebut, seramai 99 orang peserta (74.44 %) yang telah mendapat pekerjaan setelah tamat program.

Namun begitu, pada tahun 2018, program ini telah dimasukkan di bawah Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS) telah diperkenalkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sewaktu Belanjawan 2018 Negeri Selangor dengan peruntukan sebanyak RM52,000,000 setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : APAKAH STATUS PEMUTIHAN KILANG HARAM TERKINI DI
SELANGOR?**

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status kilang-kilang yang dikenalpasti terlibat dalam perusahaan kitar semula plastik/sampah luar negara di Kuala Langat?
- b) Apakah kategori perkilangan yang dilakukan dan adakah ianya memberi kesan negatif kepada alam sekitar dan masyarakat?
- c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri ke atas kilang terbabit?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak **54** buah kilang hasil daripada siasatan dan aduan yang diterima. Hasil dari siasatan yang dijalankan sebanyak **41** kilang yang beroperasi menjalankan aktiviti berkaitan kitar semula plasti. Daripada jumlah tersebut sebanyak **14** buah kilang mempunyai lesen perniagaan yang sah dari pihak MDKL. Walau bagaimanapun daripada jumlah keseluruhan aduan tersebut, terdapat **3** buah kilang tidak menjalankan aktiviti kitar semula plastik dan **4** buah lokasi hanya dijadikan sebagai gudang simpanan

- i. Jumlah aduan diterima : **54**
- ii. Berlesen : **14**
- iii. Tidak berlesen : **33** (Telah dilaksanakan operasi bersepadu siri 1-4)
- iv. Kilang aktiviti lain : **7** (Kilang ini termasuk dalam senarai aduan yang diterima oleh pihak MDKL)

Sejumlah **33** buah kilang yang beroperasi tanpa lesen di bawah aktiviti kitar semula plastik telah diambil tindakan di dalam operasi berpadu bersama sama pihak Jabatan Alam Sekitar, TNB, SPAN dan Air Selangor, PDRM, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam, PDT K.Langat dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Berikut merupakan bidang tugas dan kuasa agensi yang terlibat:

BIL	JABATAN	TANGGUNGJAWAB
1.	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	TIADA LESEN, BANGUNAN TANPA KEBENARAN, TIADA KEBENARAN MERANCANG, BERCANGGAH DENGAN RT
2.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT	SEMAKAN SYARAT NYATA TANAH DAN BANGUNAN SEDIA ADA.
3.	POLIS DIRAJA MALAYSIA	KAWALAN KESELAMATAN
4.	JABATAN ALAM SEKITAR SELANGOR	MENGAMBIL TINDAKAN "SEAL" KE ATAS MESIN-MESIN
5.	JABATAN IMIGRESEN SELANGOR	MENYEMAK PAS PERJALANAN PEKERJA
6.	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA	SEMAKAN TERHADAP MATERIAL DAN PERALATAN DI LOKASI (KEBENARAN MASUK)
7.	JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN SELANGOR	SEMAKAN PROSUDER KERJA DI LAPANGAN
8.	SYARIKAT AIR SELANGOR	PEMOTONGAN UTILITI
9.	TENAGA NASIONAL BERHAD	PEMOTONGAN UTILITI

Rumusan:

1. Bagi tindakan penguatkuasaan terhadap kilang ini, MDKL telah menyita peralatan yang boleh dialihkan, mengosongkan bangunan tersebut dan menarik tali "seal" di pintu masuk premis tersebut. MDKL juga telah mengeluarkan 65 notis kesalahan dan 56 notis pemberitahuan.
2. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat juga telah mengeluarkan sebanyak 7 notis 7A, Kanun Tanah Negara 1965 atas pelanggaran syarat syarat nyata tanah.
3. Keadaan operasi berjalan lancar dan tanpa gangguan dari mana-mana pihak dan di kawal oleh pihak PDRM dengan baik. Pihak PDRM juga membantu Pihak JAS dalam penahanan 2 orang warga tempatan bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan perniagaan tersebut.

4. Pihak Jabatan Alam Sekitar telah “seal” 75 mesin memproses plastik, 2 unit janakuasa dan menyita 1 unit “water pump” dan menahan 2 orang warga tempatan bagi siasatan lanjut untuk mendapatkan maklumat.
 5. Pihak imigresen telah menahan 60 orang warga asing di bawah Sub Seksyen (1) Seksyen 40, Ordinan Imigresen 1959 terhadap 10 buah kilang.
 6. Jabatan Kastam pula membuat semakan dokumen kepada 33 kilang ini untuk menyemak material dan peralatan di lokasi bagi kebenaran masuk barang tersebut. Pihak kastam juga telah mengambil tindakan menyita 7 crate beer
 7. Pihak JKPP telah mengeluarkan sebanyak 1 notis di bawah Seksyen 34(1), Akta Kilang dan Jentera 1967
 8. Pihak TNB mengambil tindakan dengan membuat pemotongan bekalan elektrik terhadap 17 premis yang beroperasi tanpa lesen.
 9. Pihak SPAN menyatakan kelulusan untuk pemotongan bekalan air akan diperolehi sebelum atau pada 31 Oktober 2018 dan telah membuat pemotongan bekalan terhadap 12 premis pada 6 September 2018.
 10. Pihak MDKL akan terus membuat pemantauan berkala bagi memastikan kilang-kilang ini tidak beroperasi dan menghentikan aktiviti sepenuhnya. MDKL juga akan terus bekerjasama dengan agensi yang lain untuk menyalurkan maklumat jika terdapat perkara yang menyalahi undang-undang di bawah bidang setiap agensi yang terlibat.
- b) Kilang melakukan proses kitar semula plastik terpakai bagi menghasilkan resin atau pallet plastik yang digunakan untuk tujuan pembuatan barangan plastik di tempat lain. Operasi kilang kitar semula plastik akan menyebabkan pelepasan asap ke udara hasil dari proses memanaskan plastik yang dilakukan dan menghasilkan air buangan jika sekiranya ia melibatkan cucian plastik terpakai yang kotor, adalah dikehendaki supaya memasang peralatan kawalan pencemaran mengikut undang-undang Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Aduan yang diterima daripada penduduk berkaitan operasi kilang kitar semula plastik terpakai adalah kerana lokasi kilang yang berhampiran dengan kawasan perumahan dan beroperasi secara haram tanpa alat kawalan pencemaran yang sewajarnya, boleh menyebabkan pencemaran berlaku.

- c) Bagi Jabatan Alam Sekitar tindakan ke atas premis atau kilang plastik adalah berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya iaitu memberi Notis Arahan, penahanan operasi proses yang dijalankan, kompaun dan tindakan mahkamah ke atas kesalahan-kesalahan menyebabkan pencemaran yang dilakukan. Bagi kesalahan kilang yang beroperasi secara haram tanpa lesen, tindakan akan diambil untuk menutup operasi kilang tersebut di bawah bidangkuasa Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
(N43 SEMENTA)**

TAJUK : PELAKSANAAN PROGRAM KASIH IBU SMART SELANGOR (KISS)

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramai penerima KISS sehingga kini?
- b) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga kini?
- c) Adakah program KISS ini akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Jawapan ini akan dijawab bersekali dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat Tuan Rizam Bin Ismail dari Sungai Air Tawar bertajuk Program Kasih Ibu Smart Selangor.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, dengan merujuk kepada data yang disediakan oleh pihak Selcare Management Sdn Bhd selaku pengendali Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) sehingga 12 Ogos 2018, sebanyak 34,637 orang penerima telah menerima manfaat daripada program ini dan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM30,237,870.00.

Kerajaan Negeri sedar akan sambutan yang luar biasa daripada kaum ibu di Selangor terhadap Program KISS sejak ia mula dilancarkan pada 22 Januari 2018 yang lalu. Justeru itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk meneruskan program ini pada tahun seterusnya dengan mempertimbangkan kadar pemberian jumlah saraan langsung secara berperingkat kerana Kerajaan Negeri akan mewujudkan Program *Work From Home* yang boleh menambahkan pendapatan seisi rumah kepada penerima bantuan program ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : JAWATANKUASA KHAS BAGI MENGENDALI ISU MENAIKTARAF DAN
MENYELIA JALAN/LEBUHRAYA DI PELABUHAN KLANG**

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas bagi memantau keadaan dan mengkaji semula spesifikasi jalanraya di dalam Negeri Selangor terutamanya jalanraya yang digunakan oleh kenderaan berat seperti di Pelabuhan Klang?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mewujudkan jawatankuasa khas berhubung isu keadaan jalan di sekitar Pelabuhan Klang. Namun begitu, pihak JKR Selangor ada menjalankan kajian Penilaian Kondisi Turapan Jalan (*Pavemen Condition Assessment, PCA*), pada jalan sedia ada. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan ini tidak dilaksanakan secara menyeluruh cuma terhad kepada jalan-jalan negeri sahaja sepanjang 1,100 km. Hasil daripada kajian ini telah digunakan untuk langkah-langkah pembaikan jalan di kawasan sekitar Pelabuhan Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PROJEK MARRIS DI DUN KOTA DAMANSARA

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah projek tersebut yang telah dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun yang lalu?
- b) Berapakah jumlah projek tersebut yang sedang berjalan dan dijangka siap?
- c) Berapakah projek yang akan atau dalam rancangan untuk tahun 2018 dan 2019?

JAWAPAN:

- a) Jumlah projek yang dilaksanakan dalam tempoh 3 tahun (2016-2018) adalah sebanyak 22 projek.(Rujuk Lampiran A)
- b) Jumlah projek yang sedang berjalan pada tahun ini dalah sebanyak 3 projek dan dijangka siap pada hujung bulanDisember. (Rujuk Lampiran B)
- c) Bilangan projek adalah seperti berikut:-

BIL	TAHUN	PROJEK
1	2018	5
2	2019	5

(Senarai masih dikemaskini) (Rujuk Lampiran C)

SENARAI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2016

PBT : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)	DUN
1	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN PERKARA BERKAITAN DI SEBAHAGIAN JALAN PERSIARAN JATI, KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA	258,997.75	KOTA DAMANSARA
2	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI JALAN TSB 8, TSB 9, TSB 10, TSB 10A, TSB 11, DAN KAWASAN SEKITARNYA, TAMAN SUNGAI BULOH, KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA	1,186,610.32	KOTA DAMANSARA
3	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN PERKARA BERKAITAN DI JALAN PEKAKA 8/1 DAN JALAN PEKAKA 8/8, KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA	1,015,575.40	KOTA DAMANSARA
4	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN PERKARA BERKAITAN DI SEBAHAGIAN JALAN PERSIARAN MAHOGANI, KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA	2,816,946.82	KOTA DAMANSARA
5	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN PERKARA BERKAITAN DI SEBAHAGIAN JALAN TEKNOLOGI, KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA	1,874,092.72	KOTA DAMANSARA
6	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI JALAN KENYALANG 11/7, 11/7A, 11/7B, 11/8, 11/8A, 11/8B, 11/9, 11/10, 11/11, 11/12, 11/13, SEKSYEN 11, KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA	823,484.32	KOTA DAMANSARA
7	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI JALAN CAMAR 4/22, 4/22A, 4/22B, 4/23, 4/24, 4/21, 4/21A, 4/26, 4/25, 4/14, 4/14A, 4/19, 4/19A, 4/18, 4/15, 4/17, 4/16, , SEKSYEN 4, KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA	914,180.04	KOTA DAMANSARA
8	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI JALAN TROPICANA UTAMA, JALAN PERSIARAN TROPICANA DAN JALAN TROPICANA UTARA, PETALING JAYA, SELANGOR	1,909,961.00	KOTA DAMANSARA
9	CADANGAN PERKHIDMATAN MENYELENGGARA POKOK-POKOK DAN MENGEMAS REZAB HIJAU DISEPANJANG JALAN-JALAN: JALAN PERSIARAN MAHOGANI, JALAN PERSIARAN DAMANSARA INDAH, JALAN SEPAH PUTERI 5/20A, JALAN SEPAH PUTERI 5/25, JALAN CECAWI 6/2, BELAKANG JALAN RIMBA RIANG 9/8, TAMAN RIMBA RIANG, TAMAN CECAWI 6/28, PADANG KOTA, TAMAN TASIK ARA PJU 1A/29, JALAN TROPICANA SELATAN, JALAN PJU 1A/20, JALAN PJU 3/22, JALAN PJU 3/29, JALAN PJU 3/31 DAN JALAN PJU 3/39 PETALING JAYA UNTUK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	530,000.00	KOTA DAMANSARA
JUMLAH KESELURUHAN		11,329,848.37	

SENARAI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2017

PBT : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)	DUN
1	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI SEBAHAGIAN JALAN PERSIARAN DAMANSARA INDAH, SEBAHAGIAN JALAN PJU 1A/1, JALAN PJU 3/28, JALAN PJU 3/28A, JALAN PJU 3/28B, JALAN PJU 3/28C, DAN JALAN PJU 3/28D, KOTA DAMANSARA PETALING JAYA.	1,527,708.04	KOTA DAMANSARA

2	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI SEBAHAGIAN JALAN PJU 1A/3, JALAN PJU 1A/11, JALAN PJU 1A/18 DAN JALAN PJU 1A/5, PJU 1A, PETALING JAYA.	1,033,102.50	KOTA DAMANSARA
3	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN RIMBA RIANG 9/7, JALAN RIMBA RIANG 9/7B, JALAN RIMBA RIANG 9/8, JALAN RIMBA RIANG 9/8B, DAN JALAN RIMBA RIANG 9/8C, SEKSYEN 9, KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA.	451,788.96	KOTA DAMANSARA
4	KAJIAN GEOTEKNIKAL DAN REKABENTUK TERPERINCI KEGAGALAN TEMBOK PENAHAN JALAN JENIS 'RE WALL' DI JALAN KENYALANG 11/4L, SEKSYEN 11, KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA, SELANGOR - PERKHIDMATAN PERUNDING.	262,944.66	KOTA DAMANSARA
5	CADANGAN JADUAL KADAR HARGA MENYELENGGARA POKOK-POKOK DAN MENGEMAS REZAB HIJAU DISEPANJANG JALAN-JALAN: JALAN TROPICANA UTARA, JALAN TROPICANA SELATAN 2, JALAN PJU 3/32, JALAN PJU 1A/5, JALAN MUTIARA TROPICANA DAN JALAN TANJUNG PETALING JAYA UNTUK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	530,000.00	KOTA DAMANSARA
6	CADANGAN JADUAL KADAR HARGA MENYELENGGARA POKOK-POKOK DISEPANJANG JALAN-JALAN: JALAN CAMAR 4/5, JALAN SEPAH PUTRI 5/19, JALAN PJU 5/21, JALAN PEKAKA 8/9A, JALAN SEKSYEN 11/6A, KOTA DAMANSARA PETALING JAYA UNTUK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	530,000.00	KOTA DAMANSARA
7	CADANGAN KERJA-KERJA MENYELENGGARA LAMPU JALAN DAN KERJA BERKAITAN DI PERSIARAN SUNGAI BULOH, JALAN TSB 1, JALAN TSB 8 DAN JALAN TEKNOLOGI 3/1 UNTUK TETUAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	512,944.60	KOTA DAMANSARA
8	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN PJU 1/1, JALAN PJU 1/3, JALAN PJU 1/4, JALAN PJU 1/4E, JALAN PJU 1/11, JALAN PJU 1/13, JALAN PJU 1/16, JALAN PJU 1/17, JALAN PJU 1/20, JALAN PJU 1/23, JALAN PJU 1/24 DAN JALAN PJU 1/26, PJU1, PETALING JAYA.	1,084,030.73	KOTA DAMANSARA
JUMLAH KESELURUHAN		5,932,519.49	

SENARAI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2018

PBT : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)	DUN
1	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN KENYALANG 11/6, JALAN KENYALANG 11/6A, JALAN KENYALANG 11/6B, JALAN KENYALANG 11/6C, JALAN KENYALANG 11/6D, JALAN KENYALANG 11/6E, JALAN KENYALANG 11/6F, JALAN KENYALANG 11/6G, JALAN KENYALANG 11/5, JALAN KENYALANG 11/5A, JALAN KENYALANG 11/5B, JALAN KENYALANG 11/5C, JALAN KENYALANG 11/5D, JALAN CAMAR 4/7A, JALAN CAMAR 4/8, JALAN CAMAR 4/9, JALAN CAMAR 4/10 DAN JALAN CAMAR 4/11, PJU5, PETALING JAYA.	665,325.32	KOTA DAMANSARA
2	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN NURI 7/19, JALAN NURI 7/19A, JALAN NURI 7/19B, JALAN NURI 7/19C, JALAN NURI 7/20, JALAN NURI 7/21, JALAN NURI 7/22, JALAN NURI 7/22A, JALAN NURI 7/22B DAN JALAN NURI 7/22C, PJU 5, PETALING JAYA.	517,638.41	KOTA DAMANSARA
3	CADANGAN JADUAL KADAR HARGA MENYELENGGARA POKOK-POKOK DAN MENGEMAS REZAB HIJAU DI SEPANJANG JALAN-JALAN : PERSIARAN JATI, JALAN TSB 9, JALAN RIMBA RIANG 9/8 DAN JALAN KENYALANG 11/14 KOTA DAMANSARA PETALING JAYA UNTUK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.	530,000.00	KOTA DAMANSARA

4	CADANGAN JADUAL KADAR HARGA MENYELENGGARA POKOK-POKOK DAN MENGEMAS REZAB HIJAU DI SEPANJANG JALAN-JALAN :JALAN MUTIARA, JALAN TROPICANA UTAMA, JALAN PJU 1A/4, JALAN PJU 1A/46, JALAN PJU 3/22 PETALING JAYA UNTUK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.	530,000.00	KOTA DAMANSARA
5	CADANGAN KERJA-KERJA MENGECAT GARISAN BONGGOL JALAN YANG TELAH PUDAR MENGGUNAKAN 'HOT APPLIED THERMOPLASTIC' DI JALAN PJU 3/31, JALAN PJU 3/29, JALAN TROPICANA UTARA, JALAN BU 11/1, JALAN BU 11/7, JALAN SEPAH PUTERI 5/4, JALAN SEPAH PUTERI 5/5, JALAN SEPAH PUTERI 5/6, JALAN SEPAH PUTERI 5/7, JALAN SEPAH PUTERI 5/9, JALAN SEPAH PUTERI 5/10, JALAN SEPAH PUTERI 5/12, JALAN SEPAH PUTERI 5/17, JALAN SEPAH PUTERI 5/18, JALAN SEPAH PUTERI 5/20, JALAN CECAWI 6, JALAN CECAWI 6/2 DAN JALAN CECAWI 6/26, PETALING JAYA.	67,480.00	KOTA DAMANSARA
JUMLAH KESELURUHAN		2,310,443.73	

JUMLAH KESELURUHAN BILANGAN PROJEK :
JUMLAH KESELURUHAN KOS PROJEK (RM):

22 PROJEK
19,572,811.59

SENARAI PROJEK (SEDANG BERJALAN) PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2018

PBT : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)	DUN
1	CADANGAN JADUAL KADAR HARGA MENYELENGGARA POKOK-POKOK DAN MENGEMAS REZAB HIJAU DI SEPANJANG JALAN-JALAN :PERSIARAN JATI, JALAN TSB 9, JALAN RIMBA RIANG 9/8 DAN JALAN KENYALANG 11/14 KOTA DAMANSARA PETALING JAYA UNTUK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.	530,000.00	KOTA DAMANSARA
2	CADANGAN JADUAL KADAR HARGA MENYELENGGARA POKOK-POKOK DAN MENGEMAS REZAB HIJAU DI SEPANJANG JALAN-JALAN :JALAN MUTIARA, JALAN TROPICANA UTAMA, JALAN PJU 1A/4, JALAN PJU 1A/46, JALAN PJU 3/22 PETALING JAYA UNTUK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.	530,000.00	KOTA DAMANSARA
3	CADANGAN KERJA-KERJA MENGECAT GARISAN BONGGOL JALAN YANG TELAH PUDAR MENGGUNAKAN 'HOT APPLIED THERMOPLASTIC' DI JALAN PJU 3/31, JALAN PJU 3/29, JALAN TROPICANA UTARA, JALAN BU 11/1, JALAN BU 11/7, JALAN SEPAH PUTERI 5/4, JALAN SEPAH PUTERI 5/5, JALAN SEPAH PUTERI 5/6, JALAN SEPAH PUTERI 5/7, JALAN SEPAH PUTERI 5/9, JALAN SEPAH PUTERI 5/10, JALAN SEPAH PUTERI 5/12, JALAN SEPAH PUTERI 5/17, JALAN SEPAH PUTERI 5/18, JALAN SEPAH PUTERI 5/20, JALAN CECAWI 6, JALAN CECAWI 6/2 DAN JALAN CECAWI 6/26, PETALING JAYA.	67,480.00	KOTA DAMANSARA
JUMLAH KESELURUHAN		1,127,480.00	

#JUMLAH PROJEK : 3 PROJEK

DIJANGKA SELESAI PADA DISEMBER 2018

SENARAI PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2018

PBT : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL.	TAJUK PROJEK	KOS PROJEK (RM)	DUN
1	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN KENYALANG 11/6, JALAN KENYALANG 11/6A, JALAN KENYALANG 11/6B, JALAN KENYALANG 11/6C, JALAN KENYALANG 11/6D, JALAN KENYALANG 11/6E, JALAN KENYALANG 11/6F, JALAN KENYALANG 11/6G, JALAN KENYALANG 11/5, JALAN KENYALANG 11/5A, JALAN KENYALANG 11/5B, JALAN KENYALANG 11/5C, JALAN KENYALANG 11/5D, JALAN CAMAR 4/7A, JALAN CAMAR 4/8, JALAN CAMAR 4/9, JALAN CAMAR 4/10 DAN JALAN CAMAR 4/11, PJU5, PETALING JAYA.	665,325.32	KOTA DAMANSARA
2	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN NURI 7/19, JALAN NURI 7/19A, JALAN NURI 7/19B, JALAN NURI 7/19C, JALAN NURI 7/20, JALAN NURI 7/21, JALAN NURI 7/22, JALAN NURI 7/22A, JALAN NURI 7/22B DAN JALAN NURI 7/22C, PJU 5, PETALING JAYA.	517,638.41	KOTA DAMANSARA
3	CADANGAN JADUAL KADAR HARGA MENYELENGGARA POKOK-POKOK DAN MENGEMAS REZAB HIJAU DI SEPANJANG JALAN-JALAN :PERSIARAN JATI, JALAN TSB 9, JALAN RIMBA RIANG 9/8 DAN JALAN KENYALANG 11/14 KOTA DAMANSARA PETALING JAYA UNTUK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.	530,000.00	KOTA DAMANSARA
4	CADANGAN JADUAL KADAR HARGA MENYELENGGARA POKOK-POKOK DAN MENGEMAS REZAB HIJAU DI SEPANJANG JALAN-JALAN :JALAN MUTIARA, JALAN TROPICANA UTAMA, JALAN PJU 1A/4, JALAN PJU 1A/46, JALAN PJU 3/22 PETALING JAYA UNTUK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.	530,000.00	KOTA DAMANSARA
5	CADANGAN KERJA-KERJA MENGECAT GARISAN BONGGOL JALAN YANG TELAH PUDAR MENGGUNAKAN 'HOT APPLIED THERMOPLASTIC' DI JALAN PJU 3/31, JALAN PJU 3/29, JALAN TROPICANA UTARA, JALAN BU 11/1, JALAN BU 11/7, JALAN SEPAH PUTERI 5/4, JALAN SEPAH PUTERI 5/5, JALAN SEPAH PUTERI 5/6, JALAN SEPAH PUTERI 5/7, JALAN SEPAH PUTERI 5/9, JALAN SEPAH PUTERI 5/10, JALAN SEPAH PUTERI 5/12, JALAN SEPAH PUTERI 5/17, JALAN SEPAH PUTERI 5/18, JALAN SEPAH PUTERI 5/20, JALAN CECAWI 6, JALAN CECAWI 6/2 DAN JALAN CECAWI 6/26, PETALING JAYA.	67,480.00	KOTA DAMANSARA
JUMLAH KESELURUHAN		2,310,443.73	

JUMLAH PROJEK : 5 PROJEK

SENARAI PERANCANGAN PROJEK PENYENGGARAAN JALAN NEGERI (MARRIS) TAHUN 2019

PBT : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL.	TAJUK PROJEK	ANGGARAN KOS PROJEK (RM)	DUN
1	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN CECAWI 6/1, JALAN CECAWI 6/1A, JALAN CECAWI 6/1B, JALAN CECAWI 6/1C DAN SEBAHAGIAN JALAN CECAWI 6, PJU 5, PETALING JAYA.	500,000.00	KOTA DAMANSARA
2	KERJA-KERJA MENYELENGGARA LAMPU JALAN DAN KERJA BERKAITAN DI JALAN CECAWI 6/1	527,250.00	KOTA DAMANSARA
3	KERJA-KERJA MENYELENGGARA LAMPU JALAN DAN KERJA BERKAITAN DI JALAN PEKAKA 8/1	264,950.00	KOTA DAMANSARA
4	KERJA-KERJA MENYELENGGARA LAMPU JALAN DAN KERJA BERKAITAN DI PERSIARAN MOHAGANI	1,942,530.00	KOTA DAMANSARA
5	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL & PAVE' DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN PJU 3/20, JALAN PJU 3/20A, JALAN PJU 3/20B, JALAN PJU 3/20C, JALAN PJU 3/20D, JALAN PJU 3/20E, DAN JALAN PJU 3/20F, PJU 3, PETALING JAYA.	600,000.00	KOTA DAMANSARA
JUMLAH KESELURUHAN		3,834,730.00	

JUMLAH PROJEK : 5 PROJEK (SENARAI PROJEK MASIH SEDANG DIKEMASKINI)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN RUMAH KOS RENDAH

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan membantu atas penyelenggaraan rumah kos rendah?
- b) Terdapat banyak JMB di kawasan Rumah Kos Rendah yang menghadapi isu gagal berfungsi, apakah tindakan daripada Kerajaan Selangor untuk menyelesaikan isu tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai bantuan untuk membantu penyelenggaraan rumah kos rendah seperti berikut:

BIL	PROGRAM	AKTIVITI BANTUAN	PENCAPAIAN
1	CERIA (Caring Government For Residents' Improvement Aid)	• Baikpulih harta bersama pangsapuri.	• 286 projek • RM96.6 juta
2	SMARTLIFE (SMART Lift Improvement For Residents' Improvement Aid)	• Baikpulih lif. • Bantuan pembayaran fi penyenggaraan lif kepada firma kompeten lif (kontrak penyenggaraan komprehensif.	• 48 pangsapuri • 216 unit lif • RM30 juta
3	ISS (Indah SMART Selangor)	• Mengecat bangunan	• 26 pangsapuri • 84 blok • 8648 unit • RM10 juta
4	Baikpulih Jalan	• Kerja baikpulih jalan dalam kawasan pangsapuri	• 50 pangsapuri • RM8.7 juta
5	SAFWA (<i>Selangor Free Water Apartment</i>)	• Rebet Air Percuma RM11.40 kepada pangsapuri kos rendah yang masih menggunakan	• 239 pangsapuri (68,174 unit) • RM52.6 juta

BIL	PROGRAM	AKTIVITI BANTUAN	PENCAPAIAN
		meter air pukal.	
6	SEROJA (Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri)	<ul style="list-style-type: none"> • Program Keselamatan • Pemasangan CCTV 	<ul style="list-style-type: none"> • 116 pangsapuri • RM687,136.00

b) Punca JMB/MC gagal berfungsi adalah kerana sumber kewangan untuk menyenggara dan mengurus pangsapuri tidak mencukupi. Kerajaan Negeri telah menetapkan indikator baru untuk memangkinkan pemerbedayaan kejayaan menguruskan pemajuan strata dengan mempunyai sumber kewangan yang mencukupi. Untuk memastikan JMB/MC mempunyai sumber kewangan yang mencukupi supaya dapat menguruskan pangsapuri dengan baik, terdapat 3 komponen utama dalam pengurusan kewangan yang perlu diberi penekanan utama iaitu:

- i- Pengurusan kutipan caj bulan semasa yang efektif dan 100%.
- ii- Melaksanakan perbelanjaan yang seimbang dengan hasil kutipan caj daripada pemilik.
- iii- Mengawal gejala vandalisme yang merupakan penyebab kos bocor dan pendapatan sentiasa tidak mencukupi.

Justeru itu, LPHS secara agresif bermula Mei 2018 akan terlibat dengan lebih mendalam untuk memberi kesedaran kepada JMB/MC mengenai kepentingan mempunyai sumber kewangan yang stabil agar nilai hartanah meningkat serta memangkinkan kepada pembentukan komuniti pemajuan strata yang BERSIH, CERIA dan HARMONI. LPHS dengan kerjasama COB di semua pihak berkuasa tempatan, akan mengadakan beberapa siri seminar yang fokus kepada pendidikan pengurusan kewangan yang cekap dan optimum serta membuat pemantauan secara berterusan dan berkala ke atas JMB/MC supaya matlamat ini dapat dicapai.

Selain itu, berdasarkan Seksyen 86 Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), sekiranya Pesuruhjaya Bangunan berpuas hati pengurusan pangsapuri tidak dilaksanakan dengan memuaskan, maka Pesuruhjaya Bangunan boleh melantik ejen pengurusan untuk mengambil alih pengurusan tersebut daripada JMB yang bermasalah atau gagal berfungsi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : NAIK TARAF MDKL KE MAJLIS PERBANDARAN

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Majlis Daerah Kuala Langat telah lama memenuhi syarat naik taraf kepada Majlis Perbandaran. Berapa banyak kali kertas permohonan untuk tujuan ini telah dibawa ke MMKN dan apakah keputusan terkini permohonan ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, permohonan pertama Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) untuk di naiktaraf kepada Majlis Perbandaran adalah pada tahun 2005. Walau bagaimanapun permohonan tersebut telah ditolak dalam Mesyuarat EXCO MTES kerana mesyuarat berpandangan Daerah Kuala Langat masih belum bersedia untuk di naiktaraf kepada perbandaran.

Majlis Daerah Kuala Langat akan membentangkan semula cadangan menaiktaraf MDKL kepada Majlis Perbandaran pada Mesyuarat Penuh Majlis kali ke 7/2018 dalam tahun ini juga. Sekiranya diluluskan, permohonan akan diangkat semula bagi pertimbangan Kerajaan Negeri.